



JABATAN SUMBER MANUSIA SURAT AKU JANJI

UKM(PER) :

Saya, _____ No.K.P(baru) _____

beralamat di (jabatan) _____

dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan surcaj) 2000 (Akta 605) Perintah-perintah Am, pekeliling dan surat pekeliling serta peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari masa ke semasa sepanjang perkhidmatan saya dengan Kerajaan. Maka dengan itu saya berjanji sebagai mana dikehendaki di bawah Peraturan 3, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan surcaj) 2000 (Akta 605), bahawa saya:

- i) akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan;
- ii) akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- iii) tidak akan membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya;
- iv) tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam saya;
- v) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi sehingga menjejaskan kebergunaan saya sebagai pegawai awam;
- vi) tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai awam bagi faedah diri saya sendiri;
- vii) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan dan mencemarkan nama perkhidmatan awam;
- viii) tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau pegawai lain berhubung dengan perkhidmatan awam; dan
- ix) tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut (Tataterib dan surcaj) 2000 (Akta 605).

Dihadapan ;

(Tandatangan Pegawai)

(Tandatangan)

(Jawatan Pegawai)

(Cop Rasmi Jabatan)

(Tarikh)

(Tarikh)